

Persembahan orkestra menerusi lagu medley 'Selekta Nostalgia Tan Sri P Ramlee', 'Rangkaian Memori Manis', serta lagu '*Dancing Queen*' turut diserikan dengan tarian daripada Kelab Tarian Bidasari UUM dan Kumpulan Aadyamaatra ARTISUKMA, UKM.

Najib Hanif yang digelar Tom Jones Malaysia hadir dengan menyampaikan lagu '*Save The Last Dance For Me*' dan '*Delilah*'.

Ana Raffali yang dinantikan peminat dari awal konsert muncul dengan lagu 'Tolong Ingatkan Aku' dan 'Kalau Berpacaran' iaitu berduet dengan Sohaimi Mior Hassan. Sohaimi turut menyanyikan lagu 'Epilog Cinta Dari Bromley' dengan suaranya yang memukau tetamu.

Kemuncak acara konsert adalah persembahan yang sangat dinantikan oleh warga UUM iaitu kemunculan Faizal Tahir dengan lagu popularnya, 'Bencinta' dan 'Sampai Syurga'.

Sebelum menyampaikan lagu terakhirnya 'Gemuruh', Faizal sempat menyuntik semangat kepada warga UUM agar mulakan hari dengan penuh yakin.

"Lagu ini saya tujukan kepada semua warga UUM. Kepada semua pelajar, pensyarah dan staf yang akan bermula kerja pada Ahad ini, diharapkan lagu yang akan saya sampaikan ini akan memberi semangat baru buat semua," kata Faizal yang mendapat sorakan gemuruh daripada penonton di dewan MAS.

Seterusnya persembahan *Finale* 'Irama Jati Warisan' menutup tirai Konsert Simfoni Diraja yang mencatat sejarah kerana hampir keseluruhan dewan dipenuhi dengan warga UUM mahupun pihak luar yang datang semata-mata menyaksikan konsert tersebut dengan bayaran untuk kupon sumbangan yang dikenakan sebanyak RM10 seorang.

Habis.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my